

## Dakwaan kerajaan bankrap tak berasas: TPM

➔ Mampu bina rumah, jual dengan harga murah demi kesejahteraan rakyat

Oleh Jala' Ali Abdul Rahim, Shaarani Ismail, Zahratulhayat Mat Arif dan Razif Rosli  
cnews@nstp.com.my

✦ Lenggong

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan, Kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak akan mampu membina rumah dan menjualnya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana pada harga jauh lebih rendah dari kos, jika benar kerajaan itu bankrap.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keupayaan BN melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta pelbagai agensi melaksanakan dasar perumahan negara, terutama menjual rumah pada harga lebih rendah daripada kos melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR), bukti kerajaan dalam memenuhkan janjinya pada pilihan raya umum (PRU) lalu untuk membina satu juta perumahan untuk rakyat.

"Mana ada pemaju buat rumah

kosnya RM194,000 dan jual RM35,000? Hanya kerajaan tidak bankrap yang boleh jual rumah RM35,000 walaupun dibina dengan harga RM194,000 seunit, ertinya kerajaan tak bankrap itu, (sebaliknya) yang mengatakan kerajaan bankrap itu adalah mereka yang berfikir bankrap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Bantu Rakyat dan Majlis Pecah Tanah PPR Lenggong di Kampung Chain, di sini, semalam.

### Agenda rakyat

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan, Datuk Seri Muhammad Mentek; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian, Perladangan, Penerangan dan Pembangunan Modal Insan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Tampan, Datuk Saarani Mohamad dan Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah dan ADUN Kencing, Datuk Mohd Tar-



Ahmad Zahid melihat model Projek Perumahan Rakyat Lenggong sambil diperhatikan Zambry (tiga dari kiri) dan Dr Shamsul Anuar (lima dari kiri) di Lenggong, semalam.

mizi Idris.

Pada majlis itu, Ahmad Zahid meluluskan peruntukan lebih RM2.73 juta bagi pembangunan dan transformasi rakyat Lenggong, dengan peruntukan terbesar membabitkan penambahbaikan Maahad Tahfiz Kemukjizatan al-Quran, Pondok Air Jernih bernilai RM1 juta.

Beliau berkata, dirinya sendiri ketika menjadi Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menggesa kerajaan supaya memastikan rumah dibina kepada rakyat memiliki sekurang-kurangnya tiga bilik tidur dan dua bilik air bagi mengatasi masalah, termasuk sumbang mahram jika anak lelaki dan perempuan berkongsi bilik yang sama.

"Sengaja saya sebutkan secara terperinci perkara ini supaya kita (rakyat) berlapang dada dan terbuka fikiran yang mengatakan ini bukan agenda politik, ini adalah agenda rakyat, rakyat harus diutamakan dan didahulukan, orang Lenggong harus diberikan bantuan oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat," katanya.

Terdahulu ketika di **Bagan Datuk**, Ahmad Zahid berkata, kenaikan harga barang di pasaran bukan disebabkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), sebaliknya tindakan orang tengah atau kartel memanipulasi harga bagi mengaut keuntungan berlebihan.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara berkata, kartel atau orang tengah ini memburukkan lagi keadaan dengan menuduh kerajaan menaikkan harga barang, sedangkan ia dilakukan mereka sendiri kerana mahu keuntungan tinggi.

### Kartel burukkan kerajaan

"Mereka juga salahkan kerajaan kerana GST penyebab utama menaikkan harga (barang), kartel ini dulu syarikat atau individu yang tidak membayar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), sebab itu kerajaan ambil langkah kutip cukai jualan melalui GST.

"Disebabkan mereka marah (pelaksanaan) GST, mereka buat tohmahan dan fitnah kerajaan. Jadi, langkah kerajaan melalui Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara

adalah satu langkah tepat," katanya berucap pada Majlis Perasmian Pembukaan ProMart Bagan Datuk dan Program Kos Sara Hidup.

Yang turut hadir, Pengerusi Eksekutif ProLink Retails Sdn Bhd, Datuk Dr Suhaimi Ibrahim.

Ahmad Zahid berkata, memang benar ada kenaikan kos pengeluaran, pengimportan dan pertukaran wang kerana ketika itu nilai ringgit agak rendah berbanding dollar Amerika, namun ketika ini ia sudah meningkat tetapi harga barangan masih tidak turun.

"Ertinya kartel berperanan orang tengah dan ambil margin (keuntungan) banyak, saya tak mahu bermusuhan dengan mereka tetapi saya mewakili rakyat, minta kartel dan orang tengah jangan salahkan kerajaan dan jangan jadikan rakyat mangsa serta meracuni fikiran rakyat membenci kerajaan," katanya.

Ahmad Zahid berkata, kerajaan memahami peniaga mahu keuntungan, tetapi ia perlu munasabah dan tidak menjadikan rakyat mangsa keadaan.

(FOTO MUHAIZAN YAHYA/BHI)